

Pasukan bola sepak yang diwakili Pegawai Kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah memenangi Perlawanan Bola Sepak Persahabatan apabila berjaya membolosi gol Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kuala Tahan dengan jaringan lima gol berbalas dua.

Pada awal babak pertama, UMP dikejutkan dengan jaringan dua gol oleh pihak lawan namun UMP berjaya merapatkan kedudukan pada minit ke-18 menerusi jaringan oleh mantan Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC), Mohd Noor Nawi.

Manakala babak kedua pula menyaksikan UMP terus bangkit dengan Ketua Audit Dalam, Mohd Akram Abdul Razak memastikan petang yang gemilang buatnya apabila menjaringkan dua gol pada minit ke-26 dan ke-32.

Sementara itu, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim dan Pengarah Pusat Pembangunan

Korporat & Pengurusan Kualiti, Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, telah meletakkan pasukan UMP terus di depan dengan masing-masing menjaringkan satu gol pada minit ke-35 dan ke-38 menerusi rembatan kencang dengan menewaskan penjaga gol JKKK Kuala Tahan, Mohd Aluwi Ali.

Perlawanan yang penuh dengan aksi mencemaskan dan semangat kesukanan ini diadakan bersempena dengan Kem Transformasi Diri ke Arah UMP Terbilang pada 6 hingga 10 Mei 2009 bertempat di Mutiara Resort, Kuala Tahan.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, perlawanan seumpama ini akan diadakan lagi pada masa depan bagi meningkatkan semangat berpasukan.

Suasana juga turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran para penyokong yang terdiri daripada penduduk kampung Kuala Tahan yang ternyata cukup terhibur dengan aksi-aksi melucukan apabila kedua pasukan bermain dengan memakai kain pelikat.



## Pasukan Bola Sepak Pegawai Kanan UMP tumpaskan JKKK Kuala Tahan

